

Kaedah Adam dapat Meningkatkan Kemahiran Bertutur Murid Kefungsian Rendah dengan Menggunakan Kaedah *Picture Exchange Communication System (PECS)*

Norrafidah binti Abu Samah

Sekolah Kebangsaan Dato' Naning, Melaka
66norrafidahabu.samah@gmail.com

ABSTRAK

Fokus kajian ini adalah untuk memperbaiki kemahiran bertutur murid bermasalah kefungsian rendah. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai penggunaan Kaedah Adam dalam merangsang murid bermasalah pendengaran untuk bertutur. Terdapat tiga aspek yang dikaji dalam kajian ini iaitu kekerapan responden bertutur ketika berada di dalam dan di luar bilik darjah, tingkah laku responden yang mempengaruhi kebolehannya bertutur dan ujian bertemakan haiwan untuk merangsang responden bertutur. Responden kajian terdiri daripada seorang murid Pendidikan Khas bermasalah pendengaran ringan. Data pra dan pasca dikumpul menggunakan instrumen ujian, pemerhatian dan senarai semak. Dapatan daripada analisis data pasca menunjukkan peningkatan positif dalam setiap aspek yang dikaji. Aspek kekerapan bertutur menunjukkan peningkatan antara dua hingga enam peratus. Aspek tingkah laku pula menunjukkan penurunan tingkah laku negatif responden antara 20 hingga 40 peratus. Responden juga telah berjaya menjawab empat daripada lima soalan ujian yang digunakan sebagai aspek ketiga yang dikaji. Dapatan juga menunjukkan bahawa pelaksanaan Kaedah Adam dapat merangsang murid bermasalah pendengaran bertutur. Rumusannya, kajian ini berkesan dalam merangsang murid bertutur melalui kaedah kad gambar yang digunakan sebagai alat kajian utama dalam Kaedah Adam.

Kata kunci : Kaedah Adam, Murid Bermasalah Pendengaran, Kemahiran Bertutur, *Picture Exchange Communication System (PECS)*

Pengenalan Amalan Terbaik

Masalah pendengaran merupakan sesuatu kecacatan saraf yang paling kerap berlaku dalam populasi manusia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan hampir 250 juta penduduk dunia mengalami masalah pendengaran (World Health Organization, 1990). Di Malaysia, tiada data sebenar masalah pendengaran dalam kalangan kanak-kanak. Kesukaran mendengar adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan masalah pendengaran yang serius atau separa serius. Menurut Chua (1992), kanak-kanak pekak lebih tepat dikenali sebagai individu rosak pendengaran dalam banyak keadaan. Masalah pendengaran berpunca daripada faktor sebelum lahir, semasa lahir dan selepas lahir. Kaedah Adam merupakan kaedah yang diubah suai daripada kaedah *Picture Exchange Communication System (PECS)*. Menurut Carter (1999), PECS ialah sistem komunikasi augmentatif yang dibentuk bagi membantu individu memperoleh salah

satu cara untuk berkomunikasi dengan orang lain. Malah, menurut Hallahan dan Kaufman (2006), PECS memungkinkan individu untuk membuat permintaan, memilih item-item dan menyatakan perasaan dengan menggunakan kad-kad gambar sebagai pertukaran kepada komunikasi dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pembelajaran. PECS pada mulanya dibina untuk murid-murid autisme tetapi pengkaji telah mengubah suai kaedah ini menjadi kaedah Adam supaya sesuai dengan murid bermasalah pendengaran yang mempunyai masalah dalam berkomunikasi. Rumusannya, kaedah Adam ini mampu membantu murid dalam memperbaiki masalah berkomunikasi atau lebih tepat lagi masalah bertutur. Kaedah ini sesuai digunakan kerana murid dapat meluahkan apa yang mereka ingini melalui beberapa peringkat atau fasa yang akan mereka jalani. Selain itu, penggunaan terapi pertuturan ini juga mampu memberi manfaat kepada murid bukan sahaja dalam aspek kehidupan dan pendidikan tetapi juga dalam aspek perkembangan sosial kerana jika kaedah Adam ini berjaya, murid akan dapat bertutur dengan rakan-rakannya dan dapat membina hubungan yang mesra.

Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik

Semasa mengajar di Kelas 1 Al Amin Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi subjek Bahasa Melayu, pengkaji mendapat terdapat beberapa orang murid yang suka berdiam diri apabila proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Mereka berdiam diri kerana tidak dapat menjawab soalan yang diajukan oleh guru. terdapat seorang murid yang tidak dapat berkomunikasi dengan menggunakan pertuturan kerana masalah pendengaran yang menyebabkan kelewatan dalam perkembangan bahasanya. Murid boleh bertutur dengan guru tetapi hanya meniru kembali perkataan hujung yang disebutkan oleh guru. Walaupun telah diarahkan berulang kali untuk mendengar dahulu kemudian sebut tetapi murid seakan tidak faham dan melakukan kesalahan yang sama. Didapati masalah ini berpunca daripada kurangnya teknik atau kaedah yang sesuai untuk menggalakkan murid bertutur atau berkomunikasi.

Rumusannya, kaedah Adam dipilih bagi membantu murid memperbaiki kemahiran bertutur dan menggalakkan murid untuk bertutur walaupun hanya untuk perkara-perkara rutin dalam kehidupan hariannya. Kaedah ini diaplikasikan terhadap murid PPKI SK Dato' Naning ini kerana murid seperti ini memerlukan lebih banyak bimbingan dan perhatian untuk meningkatkan kualiti hidupnya sama ada untuk masa sekarang atau akan datang. Malah, kaedah Adam ini direka cipta khas untuk murid yang dikaji kerana kaedah ini mengambil kira tahap perkembangan murid dalam bahasa dan komunikasi serta tingkah lakunya. Malah, kajian ini juga mengambil kira minat dan kesukaan murid semasa dalam bilik darjah dan di sekolah. Istimewanya murid yang dikaji adalah walaupun tidak bertutur tetapi murid sangat murah dengan senyuman. Oleh itu, kaedah ini bertepatan dan sesuai digunakan untuk murid dalam memperbaiki kemahiran bertutur.

Objektif Pelaksanaan

1. Membantu murid berani bertutur secara verbal.
2. Menguji keberkesanan kaedah Adam memperbaiki kemahiran bertutur murid.

Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Pengkaji telah mereka satu kaedah yang dinamakan Kaedah Adam bagi membantu murid bertutur. Kaedah Adam ini diberi nama berdasarkan kepada nama responden itu sendiri dan dicipta berpandukan minat dan tahap keupayaan responden. Kaedah ini menggunakan alat-alat seperti kad gambar, rakaman audio dan video. Pengkaji telah menetapkan tema haiwan bagi merangsang murid untuk bertutur. Terdapat lima fasa yang perlu dilaksana bagi menjayakan kaedah Adam ini. Fasa tersebut adalah seperti berikut :

- a. → memilih kad gambar haiwan dan membunyikan bunyi haiwan,
- b. → meniru pergerakan haiwan,
- c. → kad gambar haiwan dalam pelbagai situasi;
- d. → aktiviti seni,dan
- e. → bercerita.

Jadual 1
Perancangan Tindakan Amalan Terbaik


Fasa	Aktiviti
1	Murid diajar memilih satu gambar haiwan dalam sesuatu masa Latihan memilih gambar disertai bunyi haiwan yang dipilih. Murid akan diperkenalkan dengan kad haiwan yang dipilih Kad: lembu, itik, ayam/ burung.
2	Pengkaji akan meniru pergerakan haiwan yang dipilih. Murid perlu ikut bersama menggayaan perbuatan serta bunyi haiwan tersebut
3	Pengkaji akan menayangkan video gambar haiwan yang dipilih Pengkaji akan merangsang murid dengan bertanya soalan supaya murid mampu bertutur: <i>Cuba bunyikan haiwan yang kamu lihat, di manakah kamu pernah melihat haiwan ini?</i>
4	Aktiviti pengayaan Murid melakukan aktiviti seni yang bertemakan haiwan Tujuan aktiviti seni dijalankan kerana subjek Pendidikan Seni Visual sangat diminati oleh murid Apabila sudah siap, guru akan merangsang murid seperti langkah yang sebelumnya
5	Hasil seni ini akan ditampal pada papan kenyataan kelas sebagai satu cara penghargaan
6	Guru akan meminta murid bercerita kepada rakan sekelas tentang hasil seni bertemakan haiwan yang dibuat oleh murid

Kesemua enam fasa ini perlu dijalankan oleh pengkaji dalam melihat hasil keberkesahan Kaedah Adam ini. Fasa ini perlu dilaksanakan secara berterusan tiga minggu berturut-turut dan perlu dicatat segala perkembangan murid. Perancangan ini dilihat kepada kebolehan dan kecenderungan murid minat dan kesukaaan mereka.

Melaksanakan Tindakan Amalan Terbaik

Fasa yang pertama dalam Kaedah Adam dimulakan dengan merangsang murid melalui gambar yang diletakkan di hadapan murid. Rajah 1 dan 2 menunjukkan proses pelaksanaan fasa yang pertama.

Rajah 1
Memilih dan Menyebut Nama Haiwan



Fasa pertama ini juga memerlukan murid memilih salah satu gambar daripada lima gambar yang diletakkan di hadapannya. Berdasarkan kepada Rajah 1 murid telah memilih gambar ‘lembu’. Selepas murid telah memilih kad gambar, aktiviti diteruskan dengan membunyikan bunyi haiwan berdasarkan kepada gambar yang dipilih. Tujuan aktiviti ini dijalankan adalah untuk merangsang murid melalui kad gambar supaya murid dapat bertutur dan menyatakan haiwan yang terdapat di dalam gambar yang dipilih. Aktiviti membunyikan bunyi haiwan juga adalah sebagai rangsangan dan latihan supaya murid mendengar sendiri suaranya ketika bertutur. Aktiviti pada fasa pertama telah berjaya dilakukan oleh murid. Fasa yang kedua pula aktiviti yang memerlukan murid meniru dan menggayaikan pergerakan haiwan.

Rajah 2
Meniru Gaya Haiwan



Rajah 2 menunjukkan murid telah meniru gaya haiwan berdasarkan kepada kad gambar yang telah dipilih. Aktiviti meniru gaya haiwan ini dijalankan adalah untuk pengkaji menilai adakah murid benar-benar mengenali haiwan yang terdapat di dalam gambar. Aktiviti ini juga disertai dengan bunyi haiwan bagi menarik minat murid untuk meniru gaya haiwan tersebut. Fasa ketiga, murid ditunjukkan dengan gambar haiwan dalam pelbagai situasi.

Rajah 3
Gambar Haiwan Melakukan Pelbagai Aktiviti



Rajah 3 Gambar haiwan dalam beberapa situasi dan penerangan murid tentang situasi tersebut. Melalui gambar yang ditunjukkan seperti dalam Rajah 4 dan 5, pengkaji merangsang murid untuk bertutur dengan bertanyakan soalan kepada murid supaya murid dapat bertutur perkataan-perkataan yang mudah. Antara contoh soalan yang diajukan kepada responden adalah “apakah yang dilakukan haiwan dalam gambar ini?” dan “di manakah kamu pernah melihat haiwan ini?”. Pada fasa ini murid berjaya menjawab soalan yang diajukan oleh pengkaji dengan menunjukkan riak wajah yang tidak yakin dengan jawapan yang telah diberikan. Fasa yang keempat adalah dengan melakukan aktiviti seni. Tujuan aktiviti seni ini dijalankan adalah sebagai aktiviti pengayaan yang masih lagi bertemakan haiwan. Rajah 6 dan 7 menunjukkan murid menjalankan aktiviti seni.


Rajah 4
Murid Tekun Menyiapkan Hasil Seni Menggunakan Teknik Resis



Aktiviti seni dipilih kerana responden menunjukkan minat yang lebih dalam subjek Pendidikan Seni Visual. Berdasarkan Rajah 4, murid telah menyiapkan aktiviti seni menggunakan teknik resis dengan kemas dan cantik. Murid juga menunjukkan kesungguhan dan minat apabila pengkaji mengarahkan murid mewarnakan gambar haiwan tersebut dengan menggunakan teknik yang lain daripada menggunakan pensel warna. Apabila hasil seni siap, pengkaji sekali lagi merangsang responden untuk bertutur seperti fasa yang sebelumnya. Fasa yang kelima, responden perlu bercerita tentang haiwan yang diwarnakan kepada rakan-rakan sekelasnya. Rajah 8 menunjukkan murid bersedia untuk bercerita kepada rakan-rakannya.

Rajah 5

Murid Bercerita di dalam Kelas Tentang Haiwan yang Telah diwarnakan



Responden akan menggunakan kad gambar haiwan yang dipilih semasa fasa satu dan hasil seni yang bertemakan haiwan yang dihasilkan sebagai bahan untuk bercerita. Pada fasa ini murid bebas untuk bercerita tentang haiwan yang telah diwarnakan. Berdasarkan kepada Rajah 5, murid cuba untuk bercerita tentang haiwan yang diwarnakannya, tetapi tidak berjaya. Setelah kelima-lima fasa ini dijalankan, pada akhir kajian pengkaji telah menunjukkan beberapa jenis gambar haiwan yang tidak terdapat dalam ujian pra dan pasca seperti harimau, kura-kura dan ikan untuk merangsang murid bertutur. Kelima-lima fasa ini perlu dijalankan oleh pengkaji mengikut turutan bagi melihat keberkesanan kaedah ini dalam membolehkan murid bertutur. Setiap fasa ini juga perlu dilakukan secara berterusan selama tiga minggu berturut-turut dan dicatat setiap perkembangan positif atau negatif murid. Pelaksanaan ini dibuat berdasarkan kepada kebolehan dan kecenderungan murid dalam minat dan kesukaannya.

Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Membantu Murid Berani Bertutur Secara Verbal

Dapatan kajian pada bahagian ini mengemukakan dapatan yang diperoleh melalui beberapa pendekatan penilaian. Bagi menjawab semua persoalan kajian yang berkaitan, data kualitatif telah diperoleh, dijawab dan diterangkan. Persoalan kajian yang pertama ini dijawab dengan menggunakan data rekod pemerhatian yang dijalankan sebelum sesi rawatan dilaksanakan oleh pengkaji. Pengkaji telah menjalankan pemerhatian menggunakan borang pemerhatian untuk mencatatkan bilangan perkataan yang dikeluarkan oleh responden dalam satu hari selama seminggu. Semasa menjalankan pemerhatian, pengkaji juga memerhatikan tingkah laku murid di dalam kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran dengan


menggunakan senarai semak. Tingkah laku yang disenaraikan dalam senarai semak merupakan tingkah laku yang menunjukkan ciri-ciri responden bermasalah pendengaran dan merangkumi ciri-ciri responden bermasalah komunikasi. Jadual 1 menunjukkan data bagi kekerapan responden bertutur sepanjang waktu persekolahan selama seminggu sebelum Kaedah Adam dilaksanakan.

Jadual 2
Kekerapan Responden Bertutur

Hari	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat
Bilangan Perkataan	3	6	2	7	2

Berdasarkan Jadual 2 kekerapan responden bertutur ini merangkumi aktiviti responden ketika di dalam dan di luar bilik darjah. Kekerapan responden bertutur di dalam bilik darjah tidak termasuk ketika guru bertanya soalan dan apabila guru mengarahkan responden bertutur. Jumlah keseluruhan perkataan yang dikeluarkan oleh responden sepanjang seminggu pemerhatian dibuat adalah sebanyak 20 patah perkataan

Rajah 6
Peratus Kekerapan Bertutur Responden dalam Seminggu



Berpandukan kepada Rajah 6, pada hari Khamis kekerapan responden bertutur lebih tinggi daripada hari-hari yang lain iaitu sebanyak 35 peratus. Hal ini disebabkan pada hari Khamis terdapat subjek yang diminati oleh responden iaitu subjek Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Seni Visual. Pada hari Rabu dan Jumaat pula merupakan peratus kekerapan bertutur yang paling rendah iaitu sebanyak 10 peratus. Pemerhatian yang dijalankan juga mendapati responden banyak mengeluarkan bunyi-bunyi daripada bertutur. Tingkah laku ini sering berlaku apabila responden berseorangan atau sedang bermain sendirian. Kekerapan responden bertutur dengan rakan-rakannya juga adalah sangat rendah. Hari-hari yang lain perlu diberi perhatian agar penggunaan Kaedah Adam dalam merangsang responden bertutur mendapat kesan yang positif.

Menguji Keberkesanan Kaedah Adam Memperbaiki Kemahiran Bertutur Murid


Ujian dijalankan pada minggu ke-4 menggunakan Kaedah Adam mendapati keputusannya adalah seperti jadual 1. Jadual 1 menunjukkan perbandingan antara data pra dan pasca bagi ketiga-tiga aspek yang dikaji.

Jadual 3
Perbandingan Data Pra dan Pasca

Hari	Data Pra			Data Pasca		
	Kekerapan responden bertutur (Bil. perkataan)	Tingkah laku responden di dalam kelas (Skor)	Keputusan ujian (%)	Kekerapan responden bertutur (Bil. perkataan)	Tingkah laku responden di dalam kelas (Skor)	Keputusan ujian (%)
Isnin	3	3	0	7	3	20
Selasa	6	4	20	8	3	20
Rabu	2	5	0	5	3	20
Khamis	7	4	0	9	4	20
Jumaat	2	1	0	8	1	0

Berdasarkan Jadual 3 setiap aspek yang dikaji menunjukkan perubahan. Perbandingan bilangan perkataan bagi aspek kekerapan responden bertutur dan peratus keputusan ujian begitu memberangsangkan. Kaedah Adam ini telah memberi kesan yang baik kepada responden dalam membantu dan merangsang responden untuk bertutur dan juga berkeyakinan untuk bertutur pada tahap yang sederhana. Rajah 7 menunjukkan perbezaan peratus ujian pra dan pasca yang telah dijalankan.

Rajah 7
Perbezaan Peratus Ujian Pra dan Pasca



Berdasarkan Rajah 7, aspek keputusan ujian juga mengalami perubahan iaitu responden dapat menjawab empat daripada lima soalan dengan betul berbanding

sebelum Kaedah Adam dilaksanakan iaitu responden hanya dapat menjawab satu soalan sahaja. Dalam dapatan ujian pasca, responden tidak dapat menjawab soalan kelima iaitu menyebut perkataan ‘kambing’. Responden hanya mengeluarkan bunyi ‘kambing’ bagi meyakinkan pengkaji bahawa dia mengenali haiwan tersebut. Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa responden mengenali haiwan tersebut berdasarkan kepada bunyi kambing yang dinyatakan oleh responden tetapi kosa kata perkataan ‘kambing’ itu tidak terdapat dalam kognitifnya.

Perbezaan yang ditunjukkan antara ketiga-tiga aspek bagi data pra dan pasca telah membuktikan bahawa penggunaan Kaedah Adam bagi merangsang responden bertutur telah memberi kesan yang positif kepada responden. Ini adalah berdasarkan kadar kenaikan dan penurunan peratus bagi setiap aspek yang dikaji. Aspek tingkah laku menunjukkan penurunan sebanyak satu hingga dua skor markah. Bagi aspek kekerapan bertutur pula menunjukkan kenaikan antara enam hingga dua patah perkataan manakala, keputusan ujian menunjukkan perubahan ketara iaitu berubah daripada 20 peratus ke 80 peratus. Persoalan kajian ini dijawab dengan menggunakan ujian pra yang bertemakan haiwan. Ujian pra dijalankan selepas pengkaji mengenal pasti masalah responden. Ujian pra dijalankan adalah untuk mengetahui tahap sebenar kebolehan responden bertutur mengikut tema yang ditentukan oleh pengkaji.

Rumusan dan Cadangan

Keseluruhananya, amalan terbaik menggunakan Kaedah Adam yang dijalankan telah memberi impak dan kesan yang positif kepada diri responden. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa Kaedah Adam telah berjaya merangsang responden untuk bertutur. Walaupun menyebut nama haiwan hanyalah sebagai satu medium untuk merangsang responden bertutur, tetapi responden berjaya menggunakan perkataan lain di luar tema yang ditetapkan. Kaedah Adam yang berasaskan kepada penggunaan gambar dalam merangsang responden bertutur ini dapat dilaksanakan dengan jayanya kerana menurut Berkowitz dan Burberry (1989), gambar adalah satu bentuk visual yang mudah difahami oleh kebanyakan masyarakat tanpa latihan yang menyeluruh. Diharap Kaedah Adam ini dalam disebarluaskan penggunaannya terhadap murid lain seperti sindrom down dan autisme.

Rujukan

- Ab. Rahman Ab. Rashid, Yap Kim Fatt & Ab. Rahim Selamat. (1997). *Pengajian MELAYU I*. Longman.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beirne S., Itenbach, R. F and Patton, J.R. (2002). *Mental retardation (6th edn)*. Upper Saddle River, NJ: Merrill Prentice Hall.
- Berkowitz, S. & Burberry, J. (1989). Applied behavior analysis for children with asd. *Journal of Applied Behavior Analysis*, 40, 431–445.

- Bondy, A. & Frost, L. (2001). The picture exchange communication system. *Behavior modification*, 25, 725-744.
- Carter, M. (1999). The effect of an aided augmentative system on communication and speech. *Australasian Journal of Special Education*.
- Chua Tee Tee. (1992). *Pemulihan Khas*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Clark, M. (1999). *Language through daily living for hearing impaired children*. Library Cataloging in Publication Data.
- Frost, L. A. & Bondy, A. S. (2008). *The picture exchange communication system training manual* (2nd ed.). Newark, DE: Pyramid Educational Products.
- Gregory, S., Silo, J. & Callow, L. (1995). *Deaf people in hearing world*. The Open University.
- Hallahan & Kaufman. (2006). *Exceptional children: Introduction to special education*. Prentice Hall.
- Hasnah Udin. (2000). *Bimbingan kanak-kanak luar biasa*.
- Holbrook, M.C & Keoeing, A.J (2000). *Foundation of education: Instructional strategies for teaching children and youth with visual impairment*. AFB Press, American Foundation for the Blind.
- Jamila Mohamed. (2008). *Pendidikan Khas untuk kanak-kanak istimewa*. PTS Professional Publishing.
- Mok Soon Sang. (2001). *Psikologi pendidikan*. Kumpulan Pendidikan Budiman Sdn.
- Ottem, E. (1980). *Evidence-based practice in educating deaf and hard of hearing children: Teaching to their cognitive strengths and needs*. University of Edinburgh.
- Preston, D. & Carter, M. (2009). A review of the efficacy of the picture exchange communication system intervention. *Journal of Autism and Developmental Disorder* : 1471-1486.
- Quigley, S. P. & Kretschmer, R. E. (1982). *The education of deaf children : Issues, theory and practice*. Baltimore: University of Park Press.
- Rice, Hadley Dan Alexander. (1993). *An introduction to children with language disorders*. Macmillan College Publishing Company.
- Richard M. Gargiulo. (2003). *Special education in contemporary society: An introduction to exceptionality*. Thompson Learning.
- Rosinah Edinin. (2012). *Penyelidikan tindakan : Kaedah dan penulisan*. Freemind Horizons.

Wan Asma Wan Ismail (1999). *Kanak-kanak dengan keperluan khas panduan untuk guru-guru*. Universiti Sains Malaysia.

Zaini Hashim. (1988). *Bimbingan kanak-kanak luar biasa*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.